



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2010

PENGGUNAAN LOGO SELANGOR *SHINES* SEBAGAI SIMBOL RASMI
KEMPEN TAHUN MELAWAT SELANGOR 2011

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Selangor tentang penggunaan logo **Selangor Shines** sebagai simbol rasmi kempen Tahun Melawat Selangor 2011.

LATAR BELAKANG

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan ke 40 / 2009 yang telah diadakan pada 9 Disember 2009 lalu telah meluluskan penggunaan logo Selangor *Shines* sebagai simbol rasmi kempen Tahun Melawat Selangor 2011.
3. Berikutan kejayaan Tahun Melawat Selangor 2000 (TMS 2000) maka, Kerajaan Negeri telah memutuskan tahun 2011 merupakan **Tahun Melawat Selangor** bagi meneruskan kesinambungan kejayaan menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara ke negeri ini.

4. Bersesuaian dengan kempen **Tahun Melawat Selangor 2011 (TMS2011)**, sebuah logo telah direka bentuk bagi menggambarkan usaha dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kempen ini meraih kejayaan seperti sebelumnya. Logo ini dikenali sebagai Selangor *Shines* atau Selangor Bersinar. Logo ini juga sebagai tanda bahawa Negeri Selangor telah bersedia menerima kunjungan pelancong dalam dan luar negara. Reka bentuk logo adalah seperti di **Lampiran A**.
5. Selangor *Shines* telah dilancarkan pada 21 Disember 2009 yang lalu oleh YB Puan Elizabeth Wong, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna bertempat di Sepang Gold Coast, Sepang. Pelancaran ini dibuat sebagai tanda bermulanya kempen Tahun Melawat Selangor 2011.

PELAKSANAAN

6. Selangor *Shines* akan dijadikan logo rasmi sepanjang tempoh kempen TMS 2011. Kempen dan promosi yang dimaksudkan termasuk penyertaan dalam pelbagai pameran dan promosi pelancongan, rakan niaga serta penganjuran acara dalam dan luar negara yang akan turut memuatkan logo berkenaan.
7. Semua jabatan / agensi negeri Selangor **diwajibkan** memuatkan logo berkenaan di **surat-surat rasmi** dan **bahan-bahan penerbitan** jabatan dan agensi masing-masing sebagai tanda sokongan kepada pelaksanaan kempen TMS 2011. Logo berkenaan juga perlu dipaparkan di semua **Laman Web Rasmi** Kerajaan Negeri, Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), jabatan dan agensi kerajaan negeri yang berkaitan.
8. Salinan lembut (*softcopy*) logo Selangor *Shines* boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Selangor mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

TEMPOH PELAKSANAAN

9. Tempoh kempen Tahun Melawat Selangor 2011 menggunakan logo Selangor *Shines* ini adalah bermula pada **1 Januari 2010** hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

TARIKH BERKUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

11. Semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Pekeliling ini.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

09 Februari 2010

Dikelilingkan kepada:-

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Salinan Kepada :-

YAB Dato' Menteri Besar Selangor

YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Semua YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Semua Ketua Bahagian dan Seksyen (Pegawai-pegawai Kanan),
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.